

PRITARAX CREAM

Crotamiton (10%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pritarax cream
2. Bagaimana Pritarax cream berfungsi
3. Sebelum mengguna Pritarax cream
4. Cara menggunakan Pritarax cream
5. Semasa menggunakan Pritarax cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pritarax cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pritarax cream

Ia digunakan untuk merawat jangkitan scabies dan menghilangkan gatal-gatal kulit.

Bagaimana Pritarax cream berfungsi

Crotamiton berkesan dalam menghapuskan jangkitan scabies dan menghilangkan rasa gatal kulit.

Sebelum mengguna Pritarax cream

- Bila tidak boleh mengguna

- Jika ada alahan terhadap crotamiton atau ramuan-ramuan lain produk.
- penggunaan dalam atau sekitar mata dan luka.

- Sebelum mula mengambil

Sila beritahu doktor jikalau mengandung atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja, biasanya kurang mempengaruhi kesan ubat-ubat lain. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jikalau mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Pritarax cream

- Berapa banyak harus diambil

Untuk kegatalan: Sapu pada kulit dan diulangi jika perlu. Untuk scabies: Sapu pada kulit dua kali selang 24 jam setiap kali tanpa membasuh lapisan pertama ubat. Perlu disapu dengan secukupnya meliputi seluruh badan dari dagu, terutama lipatan dan kedutan kulit. Selepas 48 jam aplikasi kedua, badan dibasuh bersih. Salin dengan pakaian bersih dan gunakan tilam dan sarung bantal yang bersih untuk mengelakkan jangkitan semula.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Pritarax cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan perlu dihentikan jika iritasi dan alahan serius berlaku. Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Tiada laporan kesan sampingan yang disebabkan oleh Pritarax cream. Walaupun demikian, ia mungkin mengakibatkan alahan dan iritasi kepada sesetengah pengguna. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Pritarax cream

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: crotamiton
- Bahan tidak aktif: cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, cetostearyl alcohol, chlorocresol, disodium edetate, sodium citrate dan air.

- Nombor MAL:

MAL19912082X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12//05/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)12052017/00101